

Bina tembok di sempadan

Elak aktiviti penyeludupan senjata api, dadah melalui pangkalan haram

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU- Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mewartakan kawasan tebing sungai Malaysia dan Thailand dengan membina tembok sepanjang 121 kilometer di sempadan kedua-dua negara.

Keputusan ini diambil bagi mengelak aktiviti seperti penyeludupan senjata api, dadah dan penjenayah daripada melarikan diri dengan mudah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan terbabit perlu disegerakan memandangkan permasalahan jenayah terutama melibatkan kawasan sempadan melebihi permasalahan negeri lain.

"Projek ini perlu disegerakan dan saya akan mohon peruntukan khas daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi menyegerakan tindakan untuk pelaksanaan pemasangan tembok terbabit.

"Setakat ini, kita bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mengawal kawasan sempadan termasuk membanteras kegiatan penyeludupan. Selepas projek ini dilaksanakan, kita juga mesti pastikan pangkalan haram di setiap kawasan yang menghubungkan sempadan juga harus ditutup," katanya.

Beliau berkata kepada media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kontinjen Kelantan (IPK) di sini semalam selepas mengadakan lawatan kerja di jabatan terbabit.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim.

Ahmad Zahid berkata, masalah pembolosan jenayah perlu dilihat dengan serius walaupun ia mungkin mengganggu urusan perniagaan penduduk di kawasan terbabit.

"Kita akui ia sedikit sebanyak menjejaskan aktiviti penduduk di kawasan terbabit, namun kita harus fikir soal keselamatan dan Kerajaan Persekutuan harus bertanggungjawab melaksanakan projek ini," katanya.

Sementara itu, beliau turut memuji Kontinjen Polis Kelantan apabila mencatatkan penurunan kadar jenayah di negeri ini sebanyak tujuh peratus sejak beberapa operasi dijalankan termasuk dalam Ops Cantas.



Ahmad Zahid ketika mengadakan sidang media di IPK semalam.